

19/04/2001

Universiti tubuh institut perpaduan ummah

UNIVERSITI Islam Antarabangsa (UIAM) akan menubuhkan Institut Perpaduan Ummah bagi menjalankan penyelidikan dalam usaha menyatukan umat Islam.

Rektornya, Prof M Kamal Hassan, berkata UIAM adalah tempat yang paling sesuai untuk mewujudkan institusi seumpama itu berikutan penuntut di UIAM datang dari pelbagai negara dan berlainan latar belakang.

"Idea untuk menubuhkan institut itu diilhamkan oleh Presiden UIAM, Tan Sri Sanusi Junid dan ia direstui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita di Persidangan Agung Kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW), di sini hari ini.

Persidangan itu diadakan bersempena perasmian Kampus UIAM Gombak, semalam dan dihadiri kira-kira 100 wakil universiti dari seluruh dunia yang terdiri daripada naib canselor, rektor dan dekan.

UIAM yang ditubuhkan pada 10 Mei 1983, kini mempunyai 15,949 penuntut, termasuk 15 peratus daripadanya datang dari 96 negara lain.

Kamal berkata, cadangan penubuhan institusi itu masih lagi di peringkat awal kerana pihaknya perlu melihat pelbagai aspek, termasuk daripada segi peruntukan.

"Kita akan menyediakan sebuah kerusi untuk tujuan penyelidikan di institut berkenaan. Lazimnya penyediaan kerusi memerlukan belanja yang besar iaitu kira-kira RM5 juta," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mungkin akan memasukkan perkara berkenaan dalam peruntukan akan datang.

Kamal turut mengalu-alukan mana-mana pihak yang sudi menyumbang bagi merealisasikan penubuhan institut itu.

(END)